



MANHAJ AKIDAH  
**AHLI SUNNAH  
WA AL-JAMAAH**



ڤڤاڤت مڤتڤ وڤاڤه فرسڤ وڤوان  
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian (termasuk teknik & konsep) daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, atau pun disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh  
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Jabatan Perdana Menteri

Tel : 03-2272 3137

Fax : 03-2272 3216

[www.muftiwp.gov.my](http://www.muftiwp.gov.my)

Cetakan 2016

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

MANHAJ AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH DALAM AKIDAH

ISBN 978-967-12468-6-3

1. Faith (Islam). 2. Islam--Conduct of life.

297.22

## *Kandungan*

|   |    |
|---|----|
| <b>Prakata</b> .....  | 5  |
| Pendahuluan .....   | 7  |
| Takrif.....   | 9  |
| Prinsip-Prinsip Akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah.....                                  | 17 |
| Rukun Yang Pertama : Hakikat-Hakikat dan Ilmu-Ilmu .....                              | 17 |
| Rukun Kedua : Baharunya Alam Ini Serta Bahagiannya .....                              | 20 |
| Rukun Ketiga : Pencipta Alam.....   | 21 |
| Rukun Yang Keempat : Sifat-Sifat Allah.....   | 24 |
| Rukun Yang Kelima : Nama-Nama Allah .....   | 26 |
| Rukun Yang Keenam : Keadilan Allah dan Hikmat<br>Kebijaksanaan-Nya .....              | 27 |
| Rukun Yang Ketujuh : Kenabian dan Kerasulan.....                                      | 30 |
| Rukun Yang Kelapan : Tentang Mukjizat Dan Karamah .....                               | 32 |
| Rukun Kesembilan : Tentang Syariat Islam Dan Rukun-<br>Rukunnya.....                  | 33 |
| Rukun Yang Kesepuluh : Berkenaan Suruhan dan Tegahan<br>Dalam Syarak .....            | 35 |
| Rukun Kesebelas : Berkenaan Kematian Para Hamba Dan<br>Hukuman Mereka Di Akhirat..... | 36 |
| Rukun Kedua Belas : Berkenaan Dengan Khilafah dan<br>Imamah.....                      | 38 |
| Rukun Ketiga Belas : Berkenaan dengan Iman, Islam .....                               | 39 |
| Rukun Keempat Belas : Berkenaan Dengan Para Wali dan<br>Imam-Imam.....                | 40 |
| Rukun Yang Kelima Belas : Berkaitan dengan Hukum-hakam<br>Para Musuh Islam.....       | 42 |
| Ulama-Ulama Besar Daripada Golongan Al-Asyairah Dan Al-<br>Maturidiah.....            | 45 |
| 1. DARIPADA AHLI TAFSIR DAN ULUM AL-QURAN.....  | 45 |
| 2. DARIPADA AHLI HADIS DAN ULUM HADIS .....   | 45 |

|    |  |    |
|----|--|----|
| 3. | DARIPADA AHLI FIQH DAN USUL FIQH.....                      | 45 |
| 4. | DARIPADA AHLI TASAWUF .....                                | 46 |
| 5. | DARIPADA AHLI SEJARAH, SIRAH DAN BIOGRAFI ...              | 47 |
| 6. | DARIPADA AHLI BAHASA.....                                  | 47 |
| 7. | TOKOH PEMIMPIN .....                                       | 47 |
|    | Fatwa Dan Pendapat Ulama Tentang Kelebihan Al-Asyairah.... | 48 |
|    | Golongan Bidaah.....                                       | 51 |
|    | A. PECAHAN GOLONGAN AL-HARURIAH.....                       | 52 |
|    | B. PECAHAN GOLONGAN QADARIAH.....                          | 53 |
|    | C. PECAHAN AL-JAHMIAH .....                                | 55 |
|    | D. PECAHAN AL-MURJIAH.....                                 | 56 |
|    | E. PECAHAN DARIPADA SYIAH RAFIDHAH .....                   | 58 |
|    | F. PECAHAN AL-JABARIAH .....                               | 59 |
|    | Penutup .....  | 62 |

# Prakata



Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan Pencipta Semesta Alam, selawat dan salam buat junjungan Nabi Mulia, Muhammad SAW Pesuruh Allah, ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta semua umat Islam sekalian. Segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat-Nya, kerana usaha untuk menerbitkan buku ini dapat dijayakan dan menemui para pembaca.

Berdasarkan keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah (ASWJ) dari segi akidah, syariah dan akhlak. Bertepatan dengan itu, masyarakat Islam di Malaysia disarankan untuk mengenali siapa ASWJ agar tidak keliru terhadap golongan-golongan yang memperaku bahawa mereka adalah ASWJ, namun hakikatnya mereka adalah golongan yang terpesong khasnya dalam akidah. Pada hari ini, banyak kumpulan fahaman yang menggunakan topeng ASWJ bagi menyeleweng dan mengelirukan akidah umat Islam. Umat Islam disarankan agar lebih berhati-hati dengan bersikap tabayyun sebelum mengikut membuta tuli. Buku ini diterbitkan dengan harapan dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada umat Islam agar tidak tertipu serta mendapat maklumat yang benar.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada barisan Panel Jawatankuasa Pemikir PMWP iaitu, Datuk Dr. Wan Zahidi bin Wan Teh, Dr. Muhammad Arifin bin Ismail, Ustaz Mohd Mustakim

bin Mahamood@Fauzi dan Encik Mafis bin Mohd Samuri yang telah memberikan sepenuh tenaga, buah fikiran serta pandangan sehingga terhasilnya buku ini. Usaha murni yang dicurahkan, semoga Allah jua yang dapat membalasnya. Kepada semua diucapkan, selamat membaca.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

November 2016

# Pendahuluan

Sebelum topik ini dibahasakan dengan lebih lanjut adalah perlu diperingatkan kembali takrif Ahli Sunnah Wa al-Jamaah serta asas-asas ajarannya secara umum. Sekalipun fahaman Ahli Sunnah Wa al-Jamaah sangat rapat dengan kita kerana ia merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada kehidupan setiap Muslim namun kadangkala perkara yang sangat dekat itu sering kita melupainya menyebabkan berlaku kecelaruan ketika berhadapan dengan serangan daripada fahaman-fahaman yang menyeleweng seperti Liberalisme, Syiah dan sebagainya seperti mana yang dapat dilihat mutakhir ini.

Justeru, usaha yang berterusan daripada pihak yang bertanggungjawab menjaga kesucian akidah umat Islam seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri dan sebagainya hendaklah dipergiatkan. Ianya adalah sebagai kesinambungan kepada usaha yang telah dilaksanakan oleh ulama-ulama terdahulu dalam memartabatkan pegangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah di negara kita, sejajar dengan akidah yang dipegang oleh majoriti umat Islam, termasuklah sultan-sultan Melayu, berteraskan fiqh mazhab Syafie dan tasawuf Imam al-Junaid al-Baghdadi.

Rumusan akidah *Asya'irah* dan *Maturidiyah* adalah ajaran akidah yang sudah lama bertapak di Nusantara dan masih sesuai diikuti oleh majoriti umat Islam, sama ada kepada para pemerintahnya mahupun rakyat jelata, sama ada para alim ulama mahupun orang awam. Bahkan ia adalah pegangan umat Islam di Indonesia, Thailand, India, Pakistan, Mesir, Syam, Moroko, Tunisia, Algeria, China, Eropah, dan Negara Teluk dan lain-lain.

Buku ini menjadikan kitab-kitab yang muktamad yang diguna pakai oleh ilmuan Islam sepanjang zaman sebagai rujukan bagi menjelaskan dasar-dasar agama dan pegangan yang pegang oleh majoriti umat Islam di seluruh dunia dalam pelbagai zaman. Semoga dengan kehadiran buku ini, ia mengukuhkan pegangan umat Islam dan menjadi benteng dalam menghadapi segala macam ancaman dan penyelewengan akidah.

Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan



# Takrif

Imam Al-Tohawi (227H-331H) seorang ulama salaf terkemuka dalam kitabnya yang dikenali dengan Al-Aqidah al-Tohawiyyah (العقيدة الطحوية)

ونتبع السنة والجماعة، ونجتنب الشذوذ والخلاف والفرقة

**Maksudnya:** “Ajaran yang menjadi ikutan kita ialah sunnah dan jamaah, yang kita jauhi ialah pendapat yang ganjil, menyalahi sunnah dan berpecah (daripada jamaah)”.

Ketika mensyarahkan kata-kata Imam al-Tohawi di atas, al-Qadi Abu al-Izzi (731H-792H) menyatakan :

السنة : طريقة الرسول الله صلى عليه وسلم، والجماعة : (جماعة المسلمين وهم الصحابة والتابعين لحم يا حسان ألى يوم الدين)

**Maksudnya:** “Yang dimaksudkan dengan sunnah ialah cara beragama yang diajar oleh Rasulullah SAW. Manakala jamaah pula ialah majoriti umat Islam yang terdiri daripada para sahabat dan golongan yang mengikut mereka hingga ke hari kiamat” .

Nama Ahli Sunnah wa al-Jamaah sudah dikenali sejak zaman salaf dan berkekalan sehingga zaman ini. Imam al-Tohawi (227H-331H) menyebut di dalam pendahuluan kitab al-Aqidah al-Tohawiyyah yang masyhur:

Ini merupakan penjelasan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah hingga Ibnu Hazam (384H-456H) ketika mentakrifkan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mengatakan:

وأهل السنة الذين نذكرهم أهل الحق، ومن عداهم فأهل البدعة، فإنهم  
الصحابة (رضي الله عنهم)، وكل من سلك نهجهم من خيار التابعين (ر  
حمهم الله تعالى) ثم أصحاب الحديث ومن تبعهم من الفقهاء جيلا فجيلا  
إلى يومنا (هذاء ومن اقتدى بهم من العوام فى شرق الأرض وغرها رحم  
الله عليهم

Maksudnya: “Ahli sunnah ialah mereka yang kita panggil “Ahlul Haqq” (kumpulan yang berada di atas landasan yang benar) dan yang lain daripada mereka ialah “ahli bidaah” (kumpulan yang sesat), maka sesungguhnya mereka terdiri daripada para sahabat dan siapa sahaja yang mengikut jalan mereka daripada kalangan tabi’in. Kemudian para ahli Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dan yang mengikut mereka daripada kalangan ulama Feqah dari satu generasi ke generasi berikutnya hinggalah ke hari ini, begitulah juga orang yang mengikut mereka daripada kalangan orang awam di segenap pelusuk dunia”.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada tulisan para ulama mengenai Ahli Sunnah ialah: mereka yang berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah, akidah mereka sesuai dengan keterangan yang terdapat di dalam kedua-duanya mengikut fahaman salafussoleh daripada para sahabat, tabi’in dan yang mengikut mereka daripada kalangan para imam dan ulama mazhab yang muktabar. Abu Al-Muzaffar Al-Asfarayini ketika mengulas Ahli Sunnah wa al-Jamaah Rasulullah SAW yang menjelaskan sifat golongan yang terselamat:

## ما انا عليه وأصحابي

**Maksudnya:** “Golongan yang mengikut jalanku dan para sahabatku”

menyatakan

وهذه الصفة تقررت لأهل السنة: لأنهم ينقلون الأخبار والآثار عن الرسول صلى الله وسلم والصحابة رضي الله عنهم – ولا يدخل في تلك الجملة من يطعن في الصحابة من الخوارج والروافض

**Maksudnya:** “Sifat ini (mengikut jalan Rasulullah dan para sahabat) menepati sifat ahli Sunnah, kerana merekalah yang menyampaikan Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang diriwayatkan daripada Rasulullah dan para sahabat. Dengan demikian tidak termasuk dalam ungkapan *الفرقة الناجية* (golongan yang terselamat) seperti yang terdapat dalam Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang disebutkan, golongan yang mencaci para sahabat Rasulullah SAW daripada kalangan puak Khawarij dan Syiah Rafidhah”.

Jika kita mengamati Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang menerangkan mengenai perpecahan yang akan berlaku di kalangan umat dan kelahiran berbagai puak yang sesat adalah jelas bahawa berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamaah adalah merupakan satu-satunya penyelamat daripada kesesatan dan kebinasaan.

Setelah wujud pelbagai golongan menyeleweng, timbul dua tokoh ulama yang besar ; al-Imam Abu Hasan al-‘Asy‘ari dan al-Imam Abu Mansur al-Maturidi menguatkan manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamaah dengan menyusun dasar-dasar akidah yang dipegang oleh para nabi, sahabat dan tabi‘in. Mereka tidak

mencipta mazhab baru sebaliknya mereka menuruti mazhab salaf dalam menegakkan akidah bersandarkan hujah-hujah naqli dan “aqli”. Imam Al-Subki (727H-771H) berkata:

اعلم أن أبا الحسن لم يبتدع رأياً ولم ينشء مذهباً، وإنما هو مقر لمذهب السلف منا ضل عما كانت عليه صحابة الرسول صلى الله عليه وسلم. فالأنتساب إليه إنما هو باعتبار عقده على طريق السلف نطاقاً تمسك به وأقام الحجج والبراهين على صحته، فصار المقتدي به والسالك سبيله في الدلائل يسمى أشعرياً، مثلما سمي من كان على مذهب أهل المدينة مالكياً، رغم أن ما لكا إنما جرى على سنن من كان قبله. فلما زاد المذهب بيا نوا بسطاً عزى إليه.

**Maksudnya:** “Ketahuilah bahawa al-Imam Abu Hasan al-‘Asy’ari tidak mencipta pandangan dan bukan mewujudkan mazhab, beliau hanya menetapkan mazhab salaf, mempertahankan apa yang dipegang oleh para sahabat Rasulullah SAW. Maka dengan itu menyandarkan mazhab kepada beliau hanyalah kerana beliau telah membentuk satu manhaj berhujah yang beliau berpegang dengannya dan telah membuktikan kesahihannya melalui hujah-hujah dan dalil yang menyakinkan. Berasaskan ini, mereka yang mengikuti manhajnya dan menggunakan hujah-hujah yang dirintis olehnya dinamakan “Asy’ariy”. Sama halnya dengan orang yang mengikut mazhab Ahli Madinah dipanggil “Maliki”. Sekalipun Imam Malik hanya mengikuti perjalanan orang-orang yang sebelumnya”.

Daripada dalil-dalil yang dihuraikan oleh para ulama dapat disimpulkan bahawa kepentingan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah adalah sama dengan kepentingan Islam itu sendiri dalam melaksanakan tuntutan Ilahi supaya kita berpegang dengan agama yang benar dan diredhai oleh-Nya serta tidak berpecah belah. Mempertahankan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah bermakna mempertahankan kesucian Islam yang diamanahkan kepada kita sebagai umat Muhammad SAW dan pengikut kepada para Khulafa al-Rasyidin selepasnya.

# Golongan Yang Termasuk Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah

Al-Baghdadi (w.429 H) dalam kitab tersohor beliau *al-Farq Bayn al-Firqah*<sup>1</sup> mengelompokkan secara terperinci golongan yang termasuk dalam mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang terdiri daripada lapan golongan ummah, iaitu:

1. Golongan yang menguasai ilmu yang berkaitan dengan tauhid dan kenabian. Hukum hakam berkaitan dengan balasan baik dan balasan buruk, pahala dan seksaan, syarat-syarat ijtihad, pemerintahan dan kepimpinan. Dalam ilmu yang mereka kuasai, mereka mengikuti jalan dan jejak langkah golongan al-Sifatiyyah dari kalangan Mutakallimin yang tidak bercampur dengan unsur al-Tashbih (menyerupakan Allah dengan makhluk-Nya) dan al-Ta'til (menafikan Allah dan sifat-sifat-Nya). Juga mereka bersih daripada unsur bidaah dari golongan Syiah Rafidhah, Khawarij, Jahmiyyah, Najjariyyah serta golongan sesat yang mengikut hawa nafsu.
2. Golongan dari ulama feqah baik dari kelompok Ahli Ra'yi (mengambil hukum dengan ijtihad) mahupun dari Ahli Hadis. Mereka yang masuk dalam kumpulan ini ialah para ulama feqah dari pengikut Imam Malik, Imam al-Shafi'e, Imam al-Awza'i, Imam al-Thawri, Imam Abu Hanifah, Imam Ibn Abi Layla, pengikut Imam Abu Thawr, pengikut Imam Ahmad Bin Hanbal, pengikut Abu Daud al-Zahiri serta seluruh kalangan fuqaha yang berpegang teguh kepada prinsip dari golongan al-Sifatiyyah dalam hal berkaitan dengan persoalan akal, mereka yang tidak mencampuradukkan persoalan feqah

---

<sup>1</sup> Al-Baghdadi, Abu al-Qadir Bin Muhammad, *al-Farqu Baina al-Firqah* (Shoida-Beirut, Percetakan al-Maktabah al-Ashriyyah, 2009), 249-251.

dengan fahaman golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.

3. Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan jalan pengambilan Sunnah yang *al-ma'thurah* daripada Nabi di mana mereka dapat membezakan antara Sunnah yang sahih atau sebaliknya. Mereka juga mengetahui dan memahami sebab-sebab *al-Jarh wa al-ta'dil*<sup>2</sup> selagi ilmu mereka tersebut tidak dicampuradukkan dengan apa-apa unsur bidaah golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.
4. Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan sastera, nahu dan sorof dari kalangan pakar bahasa seperti al-Khalil, Abu 'Amru bin al-'Ala', Sibawaiyh, al-Farra', al-Akhfash, al-Asma'i, al-Mazani, Abu "Ubayd serta seluruh kalangan pakar ilmu nahu dari kalangan Ahli Kufah dan Ahli Basrah yang tidak mencampuradukkan ilmu mereka dengan sesuatu unsur bidaah kalangan Qadariyyah, Syiah Rafi'udhah atau Khawarij. Golongan dari kalangan mereka yang cenderung kepada unsur sesat yang dikuasai hawa nafsu adalah tidak termasuk dalam mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah.
5. Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan sudut-sudut *qira'at Al-Quran* serta sudut-sudut tafsir ayat-ayat Al-Quran dan takwilan mereka selaras dengan pegangan mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah bukannya takwilan-takwilan golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.
6. Golongan ahli zuhud dalam kalangan ahli sufi yang sunni yang memperoleh ilmu *ma'rifah*, namun tidak dihebah secara meluas, yang diberi dugaan hidup lalu diambil iktibar daripada dugaan tersebut. Mereka reda dengan takdir dan mereka berpuas hati (*qana'ah*) dengan kemudahan yang diperolehi. Mereka faham bahawa pendengaran, penglihatan dan hati semuanya akan dipertanggungjawabkan perkara baik dan

---

<sup>2</sup> Ilmu yang membahaskan mengenai perihal perawi dari segi penerimaan dan penolakan hadis.

buruknya, dan semuanya akan dipertanggungjawabkan walau seberat zarah sekalipun. Dengan itu, mereka menyiapkan diri dengan sebaik-baik persiapan untuk kehidupan hari akhirat. Perbahasan mereka terdapat dalam dua bentuk iaitu ungkapan biasa dan ungkapan isyarat (bersymbol) yang mengikut jejak Ahli Hadis. Mereka tidak melakukan kebaikan untuk tujuan riak dan tidak pula meninggalkan perbuatan baik kerana malu. Pegangan agama mereka adalah berasaskan tauhid dan menafikan al-tasybih. Mazhab ikutan mereka ialah berserah kepada Allah, bertawakal kepada-Nya, menerima baik perintah-Nya, bersifat qana'ah dengan rezeki yang mereka perolehi dan tidak melakukan penentangan terhadap-Nya.

7. Golongan tentera Islam yang berada di perbatasan negeri umat Islam dalam menghadapi ancaman orang kafir, berjuang menentang musuh-musuh orang Islam, mempertahankan diri mereka, kawasan dan rumah-rumah mereka. Mereka menyebarkan mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah hingga ke wilayah mereka.
8. Golongan rakyat awam yang berpegang teguh dengan kebenaran yang dibawa oleh ulama Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan keadilan dan tauhid, janji baik dan janji buruk. Mereka merujuk kepada kalangan ulama tersebut dalam hal yang berkaitan dengan agama dan juga dalam perkara-perkara cabang yang berkaitan dengan halal dan haram dan mereka tidak sedikit pun mengikut unsur bidaah yang dibawa oleh golongan yang sesat.

Mereka semua adalah kelompok Ahli Sunnah wa al-Jamaah, golongan yang berpegang teguh pada agama mengikut jalan yang lurus. Semoga Allah SWT meneguhkan mereka dengan keimanan yang teguh di dunia dan akhirat.



# Prinsip-Prinsip Akidah

## Ahli Sunnah wa al-Jamaah

Menurut Abu Mansur al-Baghdadi di dalam *al-Farq Bainal-Firqah*<sup>3</sup>, antara dasar atau prinsip Ahli Sunnah Wa al-Jamaah ialah:

### *Rukun Yang Pertama : Hakikat-Hakikat dan Ilmu-Ilmu*

1. Perkara yang disepakati Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam rukun pertamanya adalah menetapkan hakikat-hakikat sesuatu dan ilmu-ilmu. Mereka sepakat bahawa ilmu-ilmu tersebut mengikut pengertian yang difahami oleh para ulama. Sedangkan mereka yang menafikan ilmu dan lain-lain sifat (*a'rad*) dianggap sesat seperti yang berlaku pada golongan *al-Sufastoiyyah* (*sophist*).
2. Ulama Ahli Sunnah wa al-Jamaah membahagikan ilmu manusia kepada ilmu *badihiah*<sup>4</sup>, ilmu *hiss*<sup>5</sup> dan ilmu *istidlal*<sup>6</sup> (dengan bukti dan dalil). Oleh sebab itu mereka yang menafikan ilmu yang dicapai melalui ilmu *badihi* dan *hissi* dianggap sebagai golongan yang menolak kebenaran. Juga golongan yang menafikan ilmu bersumberkan akal (*al-nazar*) dan ilmu dengan *istidlali* seperti golongan Sumaniyah yang mengingkari penilikan akal dalam ilmu '*aqliyah* maka mereka adalah dihukumkan kufur *mulhid*, juga seperti golongan athies atau materialis yang berpegang kepada alam itu azali, penafian adanya Tuhan Pencipta alam berserta fahaman yang menolak semua agama-agama. Tetapi jika mereka

---

<sup>3</sup> Al-Baghdadi, Abu al-Qadir Bin Muhammad, *al-Farqu Baina al-Firqah* (Shoida-Beirut, Percetakan al-Maktabah al-Ashriyyah, 2009), 256-279.

<sup>4</sup> Badihiah ialah ilmu yang mudah dicapai tanpa penelitian dan berfikir.

<sup>5</sup> Hissi ialah ilmu yang dicapai dengan perantaraan pancaindera.

<sup>6</sup> *Istidlali* ialah ilmu yang dicapai dengan penelitian dan berfikir.

berpegang kepada penaakulan akal dalam ilmu '*aqliyah* dan menolak qias dalam cawangan hukum syarak seperti mazhab Zahiriah, mereka itu tidak dihukumkan kufur.

3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa pancaindera yang dapat mengesan perkara-perkara zahir yang boleh dikesani olehnya (*al-mahsusat*) ialah pandangan mata bagi mengesan apa yang boleh dilihat, deria rasa yang mengesani seperti rasa makanan, deria bau bagi mengesan bau, deria sentuhan bagi mengesan panas dan sejuk, basah dan kering, sifat lembut dan kasar. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa apa-apa yang dicapai melalui pancaindera ini merupakan sifat-sifat yang ada pada alat-alat pancaindera itu. Mereka mengajarkan bahawa hadis *mutawatir* adalah jalan ilmu *daruri* yang sah bila cukup syarat-syaratnya pada mereka. Antara contoh perkara ini ialah pengetahuan kita tentang para nabi dan raja-raja dalam sejarah lampau. Adapun penegasan akan kebenaran tentang pangkat kenabian para *anbiya'* itu maka ia sah berdasarkan hujah-hujah *nazariah* atau *istidlal*. Justeru, dihukum kafir bagi mereka yang mengingkari ilmu dari kaedah atau jalan riwayat *mutawatir*.
4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah memperincikan ciri-ciri riwayat hadis ada yang bersifat *mutawatir*, *mustafidh* dan *ahad*. Hadis Ahad di sisi Ahli Sunnah Wa al-Jamaah jika sah pada sanad dan matan serta tidak mustahil pada akal, maka riwayat itu mesti diamalkan ajarannya. Melalui kaedah ini, para ulama Feqah menentukan kebanyakan dari hukum Syariat dalam ibadat, muamalat dan lain-lain dalam bab halal dan haram. Oleh sebab itu Ahli Sunnah Wa al-Jamaah menganggap sesat golongan yang menolak kewajipan beramal dengan hadis *ahad* seperti golongan Syiah Rafidhah, Khawarij dan golongan lain yang mengikut penyimpangan mereka

5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah sepakat mengatakan kedudukan Hadis *mustafidh* adalah antara *mutawatir* dan *ahad*. Wajib meyakini dan beramal dengannya. Termasuk di bawah kaedah ini ialah ilmu tentang beberapa mukjizat Nabi SAW seperti terbelah bulan, bertasbihnya anak batu, rintihan pelepah tamar, cukupnya makanan yang sedikit untuk orang ramai dan seterusnya. Hadis *mustafidh* banyak terdapat dalam hukum syarak seperti nisab zakat, hukuman had bagi peminum arak, ilmu tentang menyapu dua khuf, hukum rejam dan yang sepertinya yang disepakati oleh ulama Feqah tentang penerimaan perkara tersebut. Oleh sebab itu golongan yang menyalahi perkara ini dihukumkan sesat seperti golongan Khawarij yang mengingkari hukum rejam. Dan hukum kafir bagi mereka yang mengingkari *ru'yah* atau memandang Allah di Syurga, kolam Nabi SAW di akhirat, syafaat dan azab kubur dan juga mereka yang mengingkari kebenaran kitab Al-Quran, baik secara zahirnya dan mukjizatnya.
6. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa Allah mentaklifkan para hamba-Nya supaya mengenal-Nya dan memerintahkan hamba-Nya melakukan perkara tersebut. Dan juga memerintahkan hamba-Nya untuk mengenal Rasul dan Kitab-Nya serta beramal dengan apa yang dibawa oleh al-Quran dan al-Sunnah. Oleh sebab itu dihukum kafir bagi mereka yang mengatakan bahawa Allah tidak menyuruh seseorang itu untuk mengenal-Nya seperti pendapat yang dipegang oleh Thumamah dan al-Jahiz serta segolongan daripada Syiah Rafidhah.
7. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa dasar hukum syariat ialah al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak ulama.
8. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menghukum kafir kepada golongan yang mengatakan bahawa tidak ada hujah sekarang ini pada al-Quran dan al-Sunnah kerana pada dakwaan mereka para Şahabat telah mengubah sebahagian dari al-

Quran itu atau melakukan perubahan pada sebahagian daripada al-Quran seperti dakwaan golongan Syiah Rafidhah.

9. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menghukumkan kafir golongan Khawarij yang menolak hadis-hadis sahih kerana mereka menganggap para sahabat yang meriwayatkannya adalah kafir.
10. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menghukumkan kafir kepada al-Nazzam yang menolak ijmak dan hadis mutawatir serta mereka yang berpendapat harus berlaku persepakatan umat Islam dalam perkara yang sesat dan berlaku pembohongan pada periwayatan hadis mutawatir.

### *Rukun Kedua : Baharunya Alam Ini Serta Bahagiannya*

Ahli Sunnah wa al-Jamaah sepakat bahawa alam itu ialah sesuatu selain daripada Allah SWT. Maka apa saja selain daripada zat Allah SWT dan sifat-sifat-Nya yang azali itu, semuanya adalah makhluk yang diciptakan-Nya. Pencipta alam bukan makhluk, bukan dicipta, bukan dari jenis alam, bukan dari jenis sesuatu bahagian atau juzuk alam.

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat alam ini terdiri daripada zat dan sifat (*jauhar dan 'arad*).
2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa setiap *jauhar (jauhar al-fard)* tidak boleh dibahagikan.
3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan adanya para malaikat, syaitan-syaitan daripada makhluk-makhluk dalam alam.

4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menghukum kafir bagi mereka yang mengingkari semua perkara ini seperti golongan ahli falsafah dan puak Batiniah.
5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menghukum sesat golongan yang mengajarkan fahaman *al-Thanawiyah* iaitu jisim terdiri daripada nur atau cahaya dan *zulmah* atau kegelapan; yang baik daripada nur, yang jahat daripada *zulmah*.
6. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat tentang baharunya 'arad pada semua jisim-jisim dan mereka menganggap bahawa setiap 'arad itu baharu pada tempatnya dan 'arad itu tidak berdiri dengan sendirinya.
7. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat tentang binasanya seluruh alam ini dan mereka mengajarkan bahawa kekalnya syurga dan neraka; syurga dengan nikmatnya dan neraka dengan azabnya melalui jalan syarak. Mereka menganggap kafir golongan Jahmiah yang mengajarkan syurga dan neraka itu binasa dan menganggap kafir Abu Hudhail yang berpendapat akan berakhirnya nikmat syurga dan azab neraka.

### *Rukun Ketiga : Pencipta Alam*

1. Semua peristiwa yang berlaku, pasti Allah SWT yang menjadikannya. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menghukumkan kafir kepada Thumamah dan pengikutnya daripada golongan Qadariah yang mengajarkan bahawa perbuatan-perbuatan itu tercipta dengan sendiri tanpa pembuatnya.
2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa Pencipta alam itu adalah pencipta bagi jisim dan 'arad, berlawanan dengan pendapat Muammarr dan para pengikutnya dari golongan Qadariah yang mengajarkan Allah SWT tidak

menciptakan sesuatupun daripada *'arad-'arad* yakni sifat yang ada pada jisim-jisim. Ia hanya menjadikan jisim-jisim sahaja, Bagi mereka jisimlah yang menjadikan *'arad* tersebut.

3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah meyakini Pencipta alam itu *qadim*, bercanggah dengan pendapat Majusi yang mengatakan bahawa ada dua pencipta, salah satu daripadanya adalah syaitan. Juga bercanggah dengan pendapat kelompok pelampau dari kalangan Syiah Rafidhah yang mengajarkan bahawa Saidina Ali bin Abi Thalib adalah *jauhar* yang baharu. Kemudian dia menjadi Tuhan Pencipta Alam dengan alasan roh Tuhan masuk ke dalam dirinya. Maha suci Allah SWT daripada tanggapan tersebut.
4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa Tuhan tidak ada pengakhiran dan batasan had, berlawanan dengan pendapat Hisyam bin Hakam daripada kelompok Syiah Rafidhah yang mengajarkan bahawa Tuhan yang disembahnya adalah berukuran tujuh jengkal dengan ukuran jengkalnya sendiri.
5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan mustahil bagi Tuhan itu mempunyai rupa dan anggota, berbeza dengan golongan pelampau Syiah Rafidhah dan para pengikut Daud al-Hawari yang mengajarkan bahawa Tuhan ada mempunyai rupa seperti rupa manusia.
6. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah bersepakat mengajarkan bahawa Tuhan tidak diliputi ruang atau tempat dan tidak berlalu ke atas-Nya peredaran masa. Hal ini berlawanan dengan pegangan kaum Hasyimiyah dan Karramiyah yang mengajarkan bahawa Tuhan 'bersentuh dengan Arasy. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah menukilkan bahawa Saidina Ali Bin Abu Thalib menyatakan bahawa:

إن الله تعالى خلق العرش إظهاراً لقدرته لا مكاناً لذاته

**Maksudnya:** “Allah menjadikan Arasy bagi menzahirkan Quدرات-Nya, bukan menjadi tempat untuk Zat-Nya”.

Katanya lagi:

ركان الله ولا مكان؛ وهو الان على ماعليه كان

**Maksudnya:** “Allah ada secara azali dan tiada tempat (bagi-Nya) dan Ia sekarang sediakala seperti ada-Nya dahulu (tanpa bertempat)”.

7. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat menafikan adanya penderitaan, keresahan, kesakitan dan kelazatan daripada zat Tuhan.
8. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat menafikan gerak dan diam pada zat-Nya. Hal ini berlawanan dengan pendapat al-Hasyimiyyah daripada kalangan Syiah Rafidhah yang mengajarkan bahawa harus bagi Allah SWT bergerak.
9. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa Allah Maha Kaya tidak memerlukan pertolongan makhluk-Nya, tidak mengambil manfaat daripada makhluk-Nya dan tidak menolak kemudharatan melalui makhluk-Nya. Hal ini berlawanan dengan dakwaan para Majusi yang mengajarkan bahawa Allah menjadikan para malaikat untuk melindungi diri-Nya daripada kejahatan syaitan.
10. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa Pencipta alam adalah Esa. Hal ini berlawanan dengan

pendapat golongan *Thanawiyah* yang mengajarkan ada dua yang qadim iaitu cahaya dan kegelapan. Hal ini juga berlawanan dengan golongan Majusi yang meyakini bahawa ada dua pencipta. Pertama, tuhan yang *qadim* bernama Yazdan dan yang kedua Syaitan Rajim yang bernama Ahraman. Selain itu, mereka juga berlawanan dengan golongan *mufawwidhah* daripada kelompok Syiah Rafidhah yang mengajarkan bahawa Allah SWT menyerahkan pentadbiran alam kepada Saidina Ali. Pada pandangan mereka Saidina Ali ialah Pencipta Yang Kedua (*al-Khaliq al-Thani*). Ahli Sunnah Wa al-Jamaah juga menolak pandangan *al-Khabithiyah* dari kelompok Qadariyah yang merupakan pengikut Ahmad bin Khabit. Mereka mengatakan bahawa Allah SWT menyerahkan pentadbiran alam kepada Nabi Isa bin Maryam. Mereka juga menganggap Isa AS sebagai Pencipta Kedua.

### *Rukun Yang Keempat : Sifat-Sifat Allah*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah meyakini sifat-Sifat Allah: '*Ilmu-Nya* (Maha Mengetahui), *Quadrat-Nya* (Maha Berkuasa), *Hayat-Nya* (Maha Hidup), *Iradat-Nya* (Maha Berkehendak), *Sama'-Nya* (Maha Mendengar), *Basar-Nya* (Maha Melihat) dan *Kalam-Nya* (Maha Berkata-kata). Semua sifat itu adalah azali lagi kekal. Muktaizilah menafikan semua sifat-sifat azali bagi Allah SWT. Mereka mengajarkan bahawa tidak ada bagi Allah sifat *Quadrat, Ilmu, Hayat, Basar* dan menafikan Allah mendengar bagi semua yang boleh didengar. Mereka menetapkan bagi Allah kalam yang baharu. Menurut Ahli Sunnah wa al-Jamaah menafikan sifat kepada zat-Nya adalah bermakna menafikan apa yang disifatkan (zat), sebagaimana menafikan perbuatan bermakna menafikan pembuat.



2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa kuasa Allah SWT berlaku ke atas semua yang ditakdirkan dengan Qudrat-Nya yang satu. Dengan Qudrat tersebut maka berlaku semua yang ditakdirkan. Hal ini berlawanan dengan pendapat golongan Al-Karamiyyah yang berpendapat bahawa makhluk terjadi dengan firman-Nya bukan dengan Qudrat-Nya.
3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa Ilmu Allah SWT adalah satu. Dengan Ilmu tersebut, Dia mengetahui. Semua maklumat secara terperinci tanpa melalui *hissi*, *badihiah* dan *istidlal*. Hal ini bertentangan dengan pendapat kaum Syiah Rafidhah yang mengajarkan bahawa Allah SWT tidak mengetahui sesuatu sebelum terciptanya perkara tersebut.
4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa sifat *Basar* dan *Sama'* Allah SWT meliputi semua yang boleh dilihat dan didengar dan Allah SWT berterusan melihat Diri-Nya dan mendengar *Kalam*-Nya. Hal ini berlawanan dengan pendapat kelompok Qadariyah Baghdadiyah yang mendakwa bahawa Allah SWT tidak melihat dan mendengar secara hakiki.
5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa Allah SWT boleh dilihat oleh orang mukmin di akhirat. Mereka berpendapat harus melihat-Nya dalam tiap-tiap hal dan bagi tiap-tiap yang hidup melalui jalan akal. Mereka mengajarkan bahawa wajib orang mukmin melihat-Nya secara khusus di akhirat berdasarkan nas hadis. Hal ini berlawanan dengan pendapat Qadariyah dan Jahmiah yang mengajarkan bahawa Allah SWT mustahil boleh dilihat.
6. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa kehendak Allah SWT meliputi atas segala perkara. Mereka mengajarkan bahawa tidak ada yang berlaku dalam alam melainkan dengan kehendak-Nya, apa yang dikehendaki-

Nya pasti akan berlaku, apa yang tidak dikehendaki-Nya pasti tidak akan berlaku. Berbeza dengan golongan Qadariah di Basrah yang berpendapat bahawa Allah SWT berkehendak akan sesuatu yang tidak terjadi dan ada yang terjadi walaupun Dia tidak mengkehendakinya.

7. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa sifat hayat bagi Tuhan adalah tanpa roh dan makanan dan semua roh adalah makhluk. Hal ini berlawanan dengan ajaran agama Nasrani yang mendakwa bapa, anak dan roh adalah *Qadim*.
8. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa *kalamullah* adalah sifat-Nya yang azali dan itu bukan makhluk, bukan baharu. Hal ini berlawanan dengan golongan Qadariah yang mendakwa bahawa Allah SWT menjadikan *Kalam-Nya* pada jisim. Juga berlawanan dengan pendapat Karamiyyah bahawa kalam Allah SWT adalah baharu pada zat-Nya.

#### *Rukun Yang Kelima : Nama-Nama Allah*

1. Nama-nama Allah SWT menurut Ahli Sunnah wa al-Jamaah adalah perkara *tauqifiyyah*, iaitu sama ada ianya diambil daripada al-Quran atau al-Sunnah yang sahih atau ijmak tentangnya, tidak dibolehkan qias terhadapnya. Hal ini berlawanan dengan pendapat golongan Muktazilah daripada Basrah yang membolehkan qias terhadapnya. Sebagai contohnya Al-Jubba'i telah sesat lagi menyesatkan bila dia memberi nama *Muti'* (yang taat) kepada Allah SWT melalui jalan qias kerana katanya Allah SWT melaksanakan kehendak hamba-Nya.
2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa nama-nama Allah sebanyak sembilan puluh sembilan sebagaimana dinyatakan di dalam hadis yang sahih dan sesiapa yang membilang-bilangnya (mengetahui) akan

masuk syurga. Maksudnya bukan hanya menyebut dan membilang tetapi mempunyai ilmu tentangnya dan meyakini dengan makna- maknanya.

3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa nama-nama Allah SWT ada tiga bahagian:
  - a. Sebahagiannya menunjukkan Zat-Nya, seperti *al-Wahid* (Yang Esa), *al-Ghani* (Yang Maha Kaya), *al-Awwal* (Yang Qadim tanpa permulaan), *al-Akhir* (Yang Kekal tanpa kesudahan), *al-Jalil* (Yang Maha Hebat), *al-Jamil* (Yang Maha Indah) dan lain-lain yang layak dengan-Nya.
  - b. Sebahagian lagi nama-nama-Nya yang menunjukkan sifat-Nya yang azali seperti *al-Hayy* (Yang Maha Hidup), *al-Qadir* (Yang Maha Berkuasa), *al-'Alim* (Yang Maha Mengetahui), *al-Murid* (Yang Maha Berkehendak), *al-Sami'* (Yang Maha Mendengar), *al-Basir* (Yang Maha Melihat) dan lain-lain nama daripada sifat-sifat yang ada pada Zat-Nya.
  - c. Sebahagiannya lagi adalah nama-nama yang menunjukkan perbuatan-perbuatan-Nya seperti *al-Khaliq* (Yang menjadikan alam), *al-Raziq* (Yang Maha Mengurnia rezeki), *al-'Adil* (Yang Maha Adil) dan yang seumpamanya.

### *Rukun Yang Keenam : Keadilan Allah dan Hikmat Kebijaksanaan-Nya*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa Allah menjadikan semua jisim-jisim dan semua 'arad sama ada baik atau buruk.

2. Allah SWT menjadikan *kasab* (pilihan dalam berikhtiar) para hamba-Nya tidak ada yang menjadikannya selain daripada Allah SWT. Hal ini berlawanan dengan pendapat golongan Qadariah yang menegaskan Allah SWT/ tidak menjadikan sesuatupun daripada *kasab* para hamba-Nya. Hal ini berlawanan dengan pendapat golongan Jahmiah yang mengajarkan bahawa hamba tidak menjadikan *kasab* dan tidak berkuasa atas *kasab* mereka. Menurut Ahli Sunnah wa al-Jamaah sesiapa yang berpegang dengan ajaran bahawa para hamba menjadikan *kasab* mereka, maka mereka tergolong dalam kalangan Qadariah yang syirik kerana mendakwa para hamba menjadikan dari sesuatu yang tiada kepada ada, seperti Tuhan yang menjadikan semua 'arad termasuk pergerakan dan diam, ilmu dan iradat, kata-kata dan suara.

Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa sesiapa yang menegaskan bahawa hamba tidak mempunyai *kasab*, dia tidak melakukan amal, serta tidak melakukan usaha, maka mereka adalah golongan Jabariah. Sesiapa yang berpegang kepada ajaran bahawa hamba berusaha bagi amalnya dan Allah pencipta usahanya, maka ia adalah Ahli Sunnah wa al-Jamaah.

Justeru, Ahli Sunnah wa al-Jamaah tidak seperti Qadariah dan Jabariah.

3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah sepakat menolak pendapat golongan al-Tawallud yang mendakwa bahawa manusia melakukan pada dirinya sesuatu perkara yang lahir daripadanya perbuatan yang lain sebagai contoh mereka berpendapat bahawa Allah SWT menciptakan api tetapi tidak menciptakan panas kerana panas itu lahir daripada api.

4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa petunjuk (hidayah) daripada Allah itu terdiri daripada dua pengertian :-

**Pertama:** Menjelaskan dan menyeru kepada kebenaran serta mendatangkan hujah dan dalil dalam menegakkan kebenaran. Dari sudut ini maka sah disandarkan hidayah kepada para Rasul dan pembawa agama Allah kerana mereka memberi panduan yang benar. Penafsiran ini adalah berdasarkan ayat dalam *Surah al-Syura*: ayat 52 :

وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

**Maksud:** “Sesungguhnya kamu (Muhammad) memberi petunjuk kepada jalan yang lurus”.

**Kedua:** Hidayah petunjuk yang Allah SWT ciptakan kepada para hamba-Nya dengan erti Allah menciptakan bimbingan hidayah dalam hati para hamba sebagaimana yang ada dalam ayat dari *Surah al-An'am* : ayat 125;

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ وَيُشْرِحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ

يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ وَيَجْعَلَ صَدْرَهُ ضَيْقًا حَرَجًا

**Maksud:** “Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah kepadanya, ia membukakan dadanya bagi menerima agama Islam dan sesiapa yang Ia kehendaki supaya dibiarkan dalam kesesatan Ia menjadikan dadanya sempit...”

Hidayah dalam aspek ini hanya Allah SWT sahaja yang berkuasa melakukannya.

Hidayah pada pengertian yang pertama datang daripada Allah SWT merangkumi semua mukallaf. Manakala hidayah

pada pengertian yang kedua, adalah khusus kepada golongan yang telah menerima petunjuk.

5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahwa sesiapa yang mati maka itu adalah kerana ajalnya dan Allah Maha Kuasa untuk memanjangkan umurnya.
6. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajar tentang rezeki atau sesiapa yang makan atau minum sesuatu itu adalah rezekinya, sama ada halal atau haram. Pendapat ini berlawanan dengan pendapat golongan Qadariah yang menegaskan bahawa manusia kadang-kadang makan apa yang bukan rezeki baginya.

#### *Rukun Yang Ketujuh : Kenabian dan Kerasulan*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan tentang hakikat adanya kenabian dan kerasulan serta mereka menyatakan kebenaran adanya rasul-rasul yang diutuskan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Pendapat ini berlawanan dengan ajaran al-Barahimah yang menafikan perkara tersebut walaupun mereka percaya kepada Tuhan yang menjadikan alam.
2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah membezakan antara Rasul dan Nabi. Nabi ialah orang yang diturunkan wahyu kepadanya dari Allah melalui malaikat. Ia diperkuatkan dengan mukjizat-mukjizat yang menarik adat (hukum kebiasaan). Rasul ialah sesiapa yang bersifat dengan sifat-sifat tersebut juga serta dikhaskan baginya syariat yang baharu ataupun ia datang memansuhkan sebahagian daripada syariat yang terdahulu daripadanya.

3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa bilangan Nabi itu banyak dan bilangan Rasul dari kalangan Nabi ialah seramai 313 orang. Rasul pertama adalah Adam AS, bapa seluruh manusia dan rasul yang terakhir adalah Muhammad SAW.
4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menghukum kafir orang yang mengaku Nabi sama ada sebelum Islam seperti Zoroaster dan Mazdak dan sebagainya dan mereka yang mengaku Nabi setelah datang ajaran Islam seperti Musailamah al-Kazzab, Sajaj (isteri kepada Musailamah al-Kazzab), al-Aswad bin Yazid al-Ansi dan seterusnya.
5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah menghukum kafir golongan yang menyandarkan kenabian kepada imam-imam atau mengaku mereka itu Tuhan seperti golongan *al-Saba'iyyah*, *al-Bayaniah*, *al-Mughiriah*, *al-Mansuriah*, *al-Khattabiah* daripada kelompok Syiah dan golongan mengikuti pendapat mereka.
6. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa kedudukan para Nabi lebih mulia daripada para malaikat. Pendapat ini berlawanan dengan pendapat al-Husain bin al-Fadhl dan kebanyakan daripada golongan Qadariah yang mengajarkan malaikat lebih utama daripada para nabi.
7. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa para Nabi lebih afdal daripada para wali. Pendapat ini berlawanan dengan mereka yang berpandangan bahawa para wali lebih afdal daripada para nabi seperti golongan syiah dan kelompok tarekat yang sesat.
8. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa para nabi adalah maksum iaitu terpelihara daripada dosa. Pendapat ini berlawanan dengan pegangan golongan Hisyamiah daripada kumpulan Syiah Rafidhah yang berpegang kepada pendapat bahawa para nabi boleh berdosa tetapi mereka

mengajarkan bahawa para imam itu maksum bersih daripada dosa.

### *Rukun Yang Kelapan : Tentang Mukjizat Dan Karamah*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa mukjizat ialah perkara zahir yang menarik adat kebiasaan yang berlaku kepada seorang nabi untuk membuktikan kenabiannya dalam menghadapi kaumnya serta mencabar mereka dengan mukjizat tersebut. Mukjizat tersebut tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun untuk mendatangkan sesuatu sebanding dengannya. Maka wajib ditaati nabi yang demikian itu.
2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa harus terjadinya karamah daripada para wali yang menunjukkan benarnya kewalian mereka itu. Golongan Qadariah mengingkari adanya karamah para wali kerana mereka tidak mendapati orang yang mempunyai karamah dalam golongan mereka.
3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa susunan al-Quran itu adalah mukjizat. Hal ini berlawanan dengan pendapat Qadariah seperti al-Nazzam yang menyatakan bahawa tidak ada mukjizat dalam susunan al-Quran.
4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa terdapat mukjizat Nabi Muhammad SAW seperti terbelahnya bulan, bertasbihnya anak batu di tangannya, keluarnya air di celah-celah jarinya, makanan sedikit memadai untuk orang yang ramai dan sebagainya. Golongan Qadariah seperti al-Nazzam mengingkari yang demikian itu.



## *Rukun Kesembilan : Tentang Syariat Islam Dan Rukun-Rukunnya*

1. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah bersepakat bahawa Islam terdiri daripada lima rukun iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu, membayar zakat, puasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan ibadat haji ke Baitullahil-Haram. Mereka berpendapat bahawa sesiapa yang menolak sesuatu rukun yang wajib daripada yang lima ini dan mentakwilkan (secara batil) seperti yang dilakukan oleh golongan al-Mansuriah dan al-Janahiah dari golongan pelampau Syiah Rafidhah maka ia dihukum kafir.
2. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah bersepakat bahawa solat itu lima waktu dan menghukum kafir orang yang menolak sebahagian daripadanya seperti Musailamah al-Kazzab yang mengingkari kewajipan solat Subuh dan Maghrib. Dia telah menganggap penolakan tersebut sebagai mahar bagi perkahwinannya dengan isterinya Sajaj, yang juga mengaku nabi. Maka mereka berdua menjadi kafir mulhid.
3. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah bersepakat mengenai wajib solat Jumaat dan mereka menghukum kafir golongan Khawarij dan Syiah Rafidhah yang mengajarkan tidak ada solat Jumaat sehingga datang imam mereka yang mereka sedang nanti-nantikan.
4. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mewajibkan zakat emas dan perak, unta, lembu, kambing, biji-bijian, makanan utama seperti tamar dan seterusnya. Sesiapa yang mengatakan tidak wajib zakat dalam perkara-perkara tersebut ia dihukum kafir.
5. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mengajarkan kewajipan puasa pada bulan Ramadan apabila tiba bulan Ramadan secara rukyah hilal atau menyempurnakan 30 hari daripada bulan

Syaaban. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah menghukum sesat kumpulan Syiah Rafidhah yang berpuasa sebelum kelihatan anak bulan sehari dan berbuka sehari sebelum dibolehkan berbuka.

6. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mengajarkan wajib menunaikan haji sekali seumur hidup bila seseorang itu ada kemampuan melakukannya dan aman jalannya. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah menghukumkan kafir bagi golongan yang mengatakan tidak wajib ibadat haji seperti golongan Batiniah. Tetapi mereka tidak menghukumkan kafir pihak yang mengatakan umrah tidak wajib kerana ada khilaf antara imam-imam tentang kewajibannya.
7. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan syarat-syarat sah solat yang terdiri daripada bersuci, menutup aurat, masuk waktu solat, menghadap kiblat, semampu yang mungkin. Sesiapa yang menggugurkan syarat-syarat ini atau sesuatu daripadanya sedangkan dia mampu melakukannya, maka ia dihukum kafir.
8. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa jihad menghadapi para musuh Islam adalah wajib sehingga mereka tunduk kepada Islam atau menunaikan jizyah. Dalam kalangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah juga ada yang tidak mengharuskan penerimaan jizyah daripada mereka.
9. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan mengenai harus berjual beli dan haramnya riba. Mereka menghukum sesat golongan yang mengharuskan riba kesemuanya.
10. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengharuskan nikah dan mengharamkan zina. Mereka menghukumkan kafir terhadap golongan al-Mubaiyyidhah. dan al-Muhammarah dan al-Kharramiyah yang mengharuskan zina.

11. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mengajarkan bahawa wajib dilaksanakan hukum kad atas perbuatan zina, mencuri, meminum arak dan qazaf (tuduhan zina). Mereka menghukum kafir ke atas golongan yang mengatakan tidak wajib had kerana minum arak dan hukum rejam kerana zina seperti golongan Khawarij.
12. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mengajarkan bahawa sumber perundangan Syariah ialah al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak. Mereka menghukum kafir kelompok yang tidak mengambil ijmak sahabat sebagai hujah. Mereka juga menghukum kafir golongan Khawarij yang menolak ijmak dan sunnah sebagai hujah. Demikian juga mereka menghukum kafir golongan Syiah Rafidhah yang mengajar tidak ada hujah dalam semua perkara tersebut kerana di isi Syiah Rafidhah yang menjadi hujah itu hanya ajaran dari imam mereka yang dinanti-nantikan. Mereka pada hari ini kehairanan dalam kesesatan.

*Rukun Yang Kesepuluh : Berkenaan Suruhan dan Tegahan Dalam Syarak*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah sepakat bahawa perbuatan orang-orang *mukallaf* terbahagi kepada lima bahagian iaitu yang wajib, haram, sunat, makruh dan harus:
  - a. Wajib adalah sesuatu perintah oleh Allah SWT, jika dilakukan mendapat pahala dan jika ditinggalkan mendapat dosa dan seksaan.
  - b. Haram adalah sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT, jika dilakukan mendapat dosa dan seksaan manakala jika ditinggalkan mendapat pahala.

- c. Sunat adalah sesuatu yang diperintahkan oleh Allah SWT, jika dilakukan mendapat pahala dan jika ditinggalkan tidak mendapat dosa.
  - d. Makruh adalah sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT, jika dilakukan tidak mendapat dosa, dan jika ditinggalkan mendapat pahala.
  - e. Harus adalah perkara yang jika dilakukan tidak mendapat pahala dan jika ditinggalkan tidak mendapat dosa. Hal ini hanya berhubung dengan perbuatan orang *mukallaf*. Adapun perbuatan binatang, orang gila dan kanak-kanak tidak terikat dengan hukum harus, wajib dan haram.
2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa setiap yang diwajibkan ke atas *mukallaf* seperti ilmu pengetahuan, perkataan atau perbuatan itu adalah wajib ke atasnya dengan perintah Allah SWT ke atasnya dan setiap perkara yang diharamkan ke atasnya, maka itu adalah dengan larangan Allah SWT terhadapnya. Sekiranya tidak ada perintah dan larangan ke atas hamba-Nya, maka tidak wajib dan tidak haram sesuatu ke atasnya. Hal ini bertentangan dengan pendapat *al-Barahimah* dan Qadariyah yang menyatakan bahawa taklif hukum merujuk kepada orang yang berakal disebabkan oleh lintasan hati.

### *Rukun Kesebelas : Berkenaan Kematian Para Hamba Dan Hukuman Mereka Di Akhirat*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa Allah SWT berkuasa membinasakan seluruh alam dan membinasakan sebahagian jisim serta mengekalkan yang lainnya. Hal ini berlawanan dengan pendapat golongan Qadariyah daripada Basrah yang menyatakan bahawa

semua jisim akan binasa dan tidak mungkin Allah SWT membinasakan sebahagian dan mengekalkan sebahagian yang lain.

2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa Allah SWT itu akan menghidupkan semula hayat manusia dan makhluk-makhluk lainnya di hari Akhirat yang telah mati di dunia. Hal ini berlawanan dengan pendapat golongan yang mengatakan bahawa Allah SWT menghidupkan semula manusia sahaja, tidak menghidupkan makhluk yang lain.
3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa Syurga dan Neraka adalah makhluk yang dijadikan. Hal ini berlawanan dengan pendapat golongan yang mengatakan bahawa kedua-duanya bukan makhluk.
4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa nikmat Syurga kekal dan azab Neraka kekal berserta ahli-ahlinya yang terdiri daripada mereka yang musyrik dan munafik. Pendapat ini berlawanan dengan pegangan mereka yang mengatakan bahawa Syurga dan Neraka tidak kekal bahkan ada yang menyatakan bahawa syurga dan neraka itu binasa.
5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa yang kekal dalam neraka ialah mereka yang tidak beriman. Hal ini berlawanan dengan pendapat Khawarij dan Qadariyah yang mengajarkan bahawa setiap orang yang masuk akan kekal di dalamnya.
6. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa golongan Qadariyah dan Khawarij kekal dalam Neraka, tidak sesekali keluar daripadanya.
7. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan tentang adanya soal kubur dan azab kubur di dalamnya bagi mereka yang berkenaan. Ahli Sunnah Wa al-Jamaah memutuskan

bahawa yang mengingkari azab kubur akan diazab di dalamnya.

8. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa adanya kolam Nabi, Sirat (jambatan) dan Mizan (timbangan amal) di hari akhirat adalah benar. Mereka mengatakan bahawa sesiapa yang mengingkari adanya kolam nabi akan diharamkan minum daripada kolam tersebut dan tergelincir kakinya daripada titian sirat ke neraka jahanam.
9. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa adanya syafaat daripada Nabi SAW dan orang yang soleh dari umatnya kepada orang yang berdosa dalam kalangan umat Islam selagi mana pada diri orang tersebut ada iman walaupun sebesar zarah dalam hatinya. Manakala bagi mereka yang mengingkari adanya syafaat maka mereka diharamkan daripada mendapat syafaat di akhirat kelak.

### *Rukun Kedua Belas : Berkenaan Dengan Khilafah dan Imamah*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa *Imamah* atau *khilafah* wajib atas umat Islam supaya dapat menjalankan hukum dan amanah, menjaga dan menguatkan kubu pertahanan, menghantar tentera jihad, membahagi-bahagikan *fay'* (iaitu harta yang didapati bukan melalui peperangan) dan menyelesaikan masalah kezaliman ke atas mereka yang dizalimi.
2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa cara memilih pemimpin adalah dengan cara pemilihan dan ijtihad.
3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa tidak ada wasiat daripada Nabi Muhammad SAW berkaitan dengan adanya nas atau wasiat dalam pelantikan khalifah. Hal ini bercanggah dengan pendapat Syiah Rafidhah yang

mengatakan adanya nas atau wasiat yang *qat'ie* lagi sahih daripada Nabi Muhammad SAW dalam menentukan Saidina Ali sebagai khalifah.

4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengatakan imam harus memiliki syarat-syarat *Imamah* iaitu ilmu, keadilan, berkepimpinan dan terdiri daripada bangsa Quraisy (keutamaan diberikan kepada bangsa tersebut) tanpa mensyaratkan imam tersebut harus terpelihara daripada dosa. Hal ini berlawanan dengan pendapat golongan Syiah Imamiyyah yang mengatakan imam hendaklah seorang yang maksum daripada dosa.
5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah bersepakat tentang kepimpinan Abu Bakar al-Siddiq setelah kewafatan Nabi SAW Hal ini berlawanan dengan golongan Syiah Rafidhah yang menetapkan kepimpinan kepada Saidina Ali bin Abi Talib dan juga berlawanan dengan pendapat al-Rawandiyah yang menetapkan kepimpinan al-Abbas setelah kewafatan Ali.
6. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa kebenaran itu bersama dengan Saidina Ali, manakala Muawiyah dan sahabat-sahabatnya berlaku zalim disebabkan kesalahan dalam pentakwilan. Tetapi mereka tidak dihukum kafir disebabkan pentakwilan tersebut. Hal ini bercanggah dengan pendapat Khawarij yang menghukum kafir kepada Saidina Ali dan Muawiyah disebabkan peristiwa Tahkim.

### *Rukun Ketiga Belas : Berkenaan dengan Iman, Islam*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa asal iman ialah *ma'rifah* (menenal Allah) dan membenarkan dengan hati. Mereka juga bersepakat bahawa wajib melaksanakan perkara yang fardu dan menggalakkan perkara yang sunat. Hal ini berbeza dengan golongan Karamiyah yang menyatakan iman cukup hanya dengan pengakuan lisan

sahaja. Golongan Khawarij dan Qadariyah pula menyatakan iman akan hilang akibat melakukan dosa besar.

2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa keimanan tidak hilang disebabkan dosa yang dilakukan, tetapi hilang disebabkan kekufuran. Orang yang berdosa itu tetap mukmin, dia bukanlah kafir walaupun dia menjadi *fasiq* kerana dosanya.
3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa tidak halal membunuh orang mukmin melainkan kerana salah satu daripada 3 sebab iaitu murtad, zina bagi mereka yang telah kahwin atau hukum *qisas* jika orang itu membunuh orang lain. Pendapat ini berlawanan dengan pendapat golongan Khawarij yang mengharuskan hukum bunuh setiap orang yang melakukan dosa.

#### *Rukun Keempat Belas : Berkenaan Dengan Para Wali dan Imam-Imam*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa para malaikat adalah maksum daripada semua dosa berdasarkan ayat:

... لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

**Maksudnya:** "Mereka tidak derhaka terhadap Allah tentang perkara yang diperintahkan kepada mereka dan mereka lakukan apa yang disuruh"

(Surah al-Tahrim: ayat 6)

2. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa kedudukan para nabi melebihi kedudukan para malaikat. Hal ini berlawanan dengan pendapat yang menyatakan



bahawa para malaikat melebihi kedudukan para nabi. Hal ini juga bercanggah dengan pendapat yang menganggap bahawa malaikat Zabaniyah yang menjaga Neraka itu melebihi kedudukan ulul-'azmi dalam kalangan para rasul.

3. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa kedudukan para nabi melebihi para wali. Pendapat ini berlawanan dengan pendapat golongan Karamiah yang mengajarkan bahawa kedudukan para wali melebihi para nabi.
4. Ahli Sunnah wa al-Jamaah mengajarkan bahawa keutamaan sepuluh orang sahabat yang diputuskan oleh Nabi bahawa mereka ahli syurga terdiri daripada empat khalifah, kemudian Talhah, Zubair, Sa'ad bin Abi Waqqas, Sa'id bin Zaid, 'Abd al-Rahman bin 'Auf dan Abu 'Ubaidakh bin al-Jarrah. Semoga Allah meredhai mereka.
5. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa ada keutamaan bagi sahabat yang menyertai peperangan bersama Nabi SAW dalam peperangan Badar, perang Uhud dan perjanjian Hudaibiyah. Pendapat ini semua berlawanan dengan pendapat golongan Syiah Rafidhah yang mengkritik dan mencela para sahabat tersebut.
6. Ahli Sunnah wa al-Jamaah meyakini kesahihan hadis yang menyatakan bahawa ada tujuh puluh ribu orang yang akan masuk Syurga tanpa hisab. Dan setiap satu daripada mereka memberikan syafaat kepada 70 ribu orang yang lain. Termasuk dalam kelompok ini sahabat yang bernama 'Ukasyah bin Mihson.
7. Ahli Sunnah wa al-Jamaah meyakini bahawa siapa sahaja yang meninggal dalam agama Islam dan tidak melakukan perkara yang sesat maka dia akan masuk ke dalam Syurga.

## *Rukun Yang Kelima Belas : Berkaitan dengan Hukum-hakam Para Musuh Islam*

1. Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpendapat bahawa para musuh agama terbahagi kepada dua iaitu musuh dari orang kafir dengan keyakinannya sebelum kedatangan agama Islam dan mereka yang menjadi kafir atau sesat setelah mereka memeluk agama Islam walaupun mereka secara zahirnya seperti orang Islam.
2. Mereka yang kafir sebelum kedatangan Islam terdiri daripada pelbagai golongan seperti:
  - a) Para penyembah berhala dan patung,
  - b) Penyembah manusia tertentu seperti orang yang menyembah Jamsyiz, Namrud bin Kan'an, Firaun dan sebagainya,
  - c) Mereka yang menyembah segala perkara yang kelihatan cantik dengan keyakinan bahawa roh Tuhan masuk ke dalam patung dan jasad tersebut,
  - d) Para penyembah matahari, bulan, semua bintang atau sebahagian bintang,
  - e) Mereka yang menyembah malaikat dan memanggilnya sebagai anak-anak perempuan Allah,
  - f) Mereka yang menyembah syaitan,
  - g) Mereka yang menyembah lembu,
  - h) Mereka yang menyembah api.

Menurut Ahli Sunnah Wa al-Jamaah adalah haram bagi umat Islam untuk memakan sembelihan dan menikahi anak mereka. Tetapi Ahli Sunnah Wa al-Jamaah berbeza berpendapat tentang penerimaan *jizyah* daripada mereka.

- i) Manakala golongan yang tidak beriman sebelum adanya agama Islam dalam kalangan sophist termasuk:
  - i. Golongan al-Sumaniah yang mengajarkan bahawa alam ini *qadim* dan mereka mengingkari penelitian

akal dan pengambilan dalil dalam pemikiran dengan dakwaan bahawa tidak ada yang boleh diketahui melainkan melalui pancaindera sahaja.

- ii. Golongan al-Dahriah yang mengajarkan alam ini *qadim*.
  - iii. Golongan yang mengajarkan bahawa hayula al-alam itu *qadim*. Dalam masa yang sama mereka mengakui bahawa 'arad itu baharu.
  - iv. Golongan ahli falsafah yang mengajar bahawa alam ini *qadim* dan mereka menolak adanya Tuhan Maha Pencipta, antara mereka ialah Pythagoras dan Plato. Umat Islam dalam kalangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah bersepakat bahawa tidak boleh makan sembelihan mereka dan mengahwini wanita mereka. Tetapi Ahli Sunnah Wal Jamaah berbeza berpendapat tentang penerimaan *jizyah* daripada mereka.
3. Golongan kafir yang menzahirkan keislamannya di negara Islam dan berselindung diri akan kekafirannya serta memerangi umat Islam secara rahsia seperti golongan pelampau al-Saba'iah dalam kalangan Syiah Rafidhah, al-Bayaniah, al-Mughiriah, *al-Mansuriah*, *al-Janahiah*, al-Khattabiah, golongan *Hulul* (penyatuan zat Tuhan dengan manusia) dan golongan Batiniah, dan golongan al-Muqannaiyyah, al-Mubayyidhah, al-Muhammirah, pengikut ibn Abil-Auja' yang berpegang dengan *Tanasukh al-Arwah* (berpindah-pindah roh masuk ke dalam badan manusia), pengikut ajaran Ahmad bin Khabit dalam kalangan Muktazilah, pengikut ajaran Yazidiah dari golongan Khawarij yang menyangka bahawa syariat Islam menjadi mansuh dengan adanya nabi dari golongan orang bukan Arab, pengikut al-Maimuniah dalam kalangan Khawarij yang mengharuskan nikah sesama cucu perempuan, pengikut aliran al-Azafirah dalam kalangan ahli Baghdad, pengikut Hallajiah yang melampau dalam kelompok *Hululiah*, pengikut al-Babikiah atau al-Razamiah yang melampau

mengenai Abu Muslim (pemerintah kerajaan Abbasiah), pengikut al-Kamiliah yang mengkafirkan sahabat kerana mereka meninggalkan *bai'ah* Saidina Ali dan mengkafirkan Saidina Ali kerana tidak membunuh mereka.

Sesungguhnya hukum keseluruhan yang kami sebutkan ini adalah hukum murtad daripada agama, tidak halal memakan sembelihan mereka dan mengahwini wanita mereka. Tidak diambil *jizyah* daripada mereka.

4. Adapun golongan yang menyeleweng seperti al-Jarudiyah, al-Hisyamiah, al-Najjariah, al-Jahmiah, al-Imamiah yang mengkafirkan sahabat yang terpilih, al-Qadariah yang terasing daripada kebenaran, al-Bakriah, al-Dhirariah, al-Musyabbihah dan Khawarij, sesungguhnya Ahli Sunnah Wal Jamaah menghukumkan mereka kafir sebagaimana mereka menghukum kafir kepada Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Maka, tidak harus solat jenazah ke atas mereka dan tidak sah solat berimamkan mereka.

Kesimpulannya, Ahli Sunnah Wa al-Jamaah mengajarkan bahawa orang-orang yang menunjukkan amalan dan pegangannya dalam Ahli Sunnah Wa al-Jamaah ialah mereka yang bebas daripada amalan dan pegangan golongan yang terkeluar daripada Islam, juga bebas daripada golongan yang beragama dengan mengikut hawa nafsu (*ahl al-ahwa'*) walaupun mereka menyandarkan diri mereka kepada agama Islam.

# *Ulama-Ulama Besar Daripada Golongan Al-Asyairah Dan Al-Maturidiah*

## 1. *DARIPADA AHLI TAFSIR DAN ULUM AL-QURAN:*

Al-Jassas, Abu 'Amri al-Dani, al-Qurthubi, Ilkiya al-Hurasi, Ibnu al-Arabi, al-Razi, Ibnu "Athiyah, al-Mahalli, al-Baidhawi, al-Tsa'alibi, Abu Hayyan, Ibnu al-Jazari, al-Samarqand, al-Zarkasyi, al-Suyuthi, al-Zurqani, an-Nasafy, al-Qasimi, al-Mawardi, al-Alusi dan ramai lagi.

## 2. *DARIPADA AHLI HADIS DAN ULUM HADIS:*

Al-Daraquthni, al-Hakim, al-Baihaqi, al-Khatib al-Baghdadi, Ibnu. 'Asakir, al-Khattabi, Abu Nu'aim al-Ashbahani, al-Sam'ani, Ibnu Qattan, al-Qadhi 'Iyadh, Ibnu al-Solah, al-Munziri, al-Nawawi, al-Haithami, al-Mizzi, Ibnu Hajar, Ibnu al-Munayyir, Ibnu al-Battal, kebanyakan penulis syarah bagi kitab Sahih Bukhari dan Muslim, dan penulis syarah Kitab al-Sunan, al-'Iraqi dan anaknya, Ibnu Jama'ah, al-'Aini, al-'Alla'i, Ibnu al-Mulaqqin, Ibnu Daqiq al-'Id, Ibnu al-Zamalkani, al-Zaila'i, al-Suyuthi, Ibnu 'Ilan, al-Sakhawi, al-Munawi, Mula 'Ali al-Qari, al-Jalal al-Dawwani, al-Baiquni, al-Laknawi, al-Zabidi dan ramai lagi.

## 3. *DARIPADA AHLI FIQH DAN USUL FIQH:*

### **a) Al-Hanafiyah**

Ibnu Nujaim, al-Kasani, al-Sarakhsi, al-Zaila'i, al-Haskafi, al-Mirghinani, al-Kamal Ibn al-Humam, al-Syirniablaliy, Ibnu Amir al-Haj, al-Bazdawî, al-Khadimi, Abd al-'Aziz al-Bukhari, Ibnu 'Abidin, Ibnu / Nujaim dan kebanyakan ulama India dan Pakistan serta ramai lagi.

**b) Al-Malikiyah**

Ibnu Rusyd al-Jad, al-Qarafi, al-Syathibi, Ibnu al-Hajib, Khalil, al-Dardir, al-Dusuqi, Zaruq, al-Laqqani, al-Zurqani, al-Nafrawi, Ibnu Jizi, al-Adawi, Ibnu al-Haj, al-Sanusiy, 'Illaysi, kebanyakan ulama al-Syanaqithah, ulama al-Maghrib al-Arabi serta ramai lagi.

**c) Al-Syafi'iyyah**

Al-Juwaini dan anaknya Imam al-Haramain, al-Razi, al-Ghazali, al-Aamidi, al-Syirazi, al-Asfarayini, al-Baqillani, al-Mutawalli, al-Sam'ani, Ibnu al-Solah, al-Nawawi, al-Rafi'i, al-'Izz bin Abd as-Salam, Ibnu Daqiq al-'Iyd, Ibnu ar-Rif'ah, al-Azra'i, al-Isnawi, Taqiyuddin al-Subki dan anaknya Taj al-Din al-Subki, al-Baidhawi, al-Hisni, Zakaria al-Anshari, Ibnu Hajar al-Haitami, al-Ramli, al-Syirbini, al-Mahalli, Ibnu al-Muqri, al-Bujairimi, al-Baijuri, Ibnu al-Qasim al-'Abbadi, Qalyubi, Umairah, Ibnu Qasim al-Qhazzi, Ibnu an-Naqib, al-'Athar, al-Bunani, al-Dimyathi, keluarga al-Ahdal dan ramai lagi.

**d) Al-Hanabilah**

Ibn al-Jauzi, Ibn Humaid, al-Buhuti, Ibn Rajab dan ramai lagi

4. *DARIPADA AHLI TASAWUF:*

Al-Junaid al-Bagdadi, Ahmad al-Rifaie, Abdul Qadir al-Jilani, Ahmad al-Badawi, Bahauddin al-Naqsyabandi, al-Qusyairi, Abdul Wahhab Sya'raani, al-Ghazali, al-Tustari, ibn Ata'illah al-Sakandari dan ramai lagi.

5. *DARIPADA AHLI SEJARAH, SIRAH DAN BIOGRAFI:*

Ibnu Hisyam, Al-Qadhi 'Iyadh, al-Thabari, Ibnu 'A sakir, al-Khatib al-Baghdadi, Abu Nu'aim al-Asbahani, Ibnu Hajr, al-Mizzi, al-Suhaili, al-Shalihi, al-Suyuthi, Ibnu al-Athir, Ibnu Khaldun, al-Tilimsani, al-Qasthallani, Ibnu Khallikan, Ibnu Qadhi Syuhbah, Ibnu Nashir ad-Din dan ramai lagi.

6. *DARIPADA AHLI BAHASA:*

Al-Jurjani, al-Qazwini, Abu al-Barakat al-Anbari, al-Suyuthi, Ibnu Malik, Ibnu 'Aqil, Ibnu Hisyam, Ibnu Manzhur, Alfairuzaabadi, al-Zabidi, Ibnu al-Hajib, Abu Hayyan, Ibnu al-Atsir, al-Hamawi, Ibnu Faris, al-Kafwi, Ibnu Aajurrum, al-Haththab, al-Ahdal, al-Nawawi, Sibawaih, Farraq, al-Akhfash, al-Asma'i, al-Mazani, Abu Uba'id, al-Khalil dan ramai lagi.

7. *TOKOH PEMIMPIN:*

Solahuddin al-Ayyubi, al-Muzhaffar Quthz, al-Zhahir Biberse, Sultan-sultan pemerintahan al-Ayyubi, al-Sultan Muhammad al-Fatih dan sultan-sultan pada era pemerintahan "Uthmaniakh, Sultan-sultan Alam Melayu dan ramai lagi.

# *Fatwa Dan Pendapat Ulama Tentang Kelebihan Al-Asyairah*

Ulama merupakan pembantu agama Allah yang dipilih dalam kalangan makhluk-Nya. Peranan ulama amat besar, di mana para ulama menyebarkan, menguatkan akidah dan memuliakan manusia. Kematian seribu manusia tidak memberi kesan dan mudharat pada agama jika dibandingkan dengan kematian seorang ulama. Menghormati ulama seumpama menghormati agama. Sesiapa yang memuliakan ulama dan meninggikan martabat mereka itu nescaya mulia agamanya. Dan sesiapa memperlekehkan dan menghina ulama bererti dia telah memperlekehkan dan menghina agama.

Mempersendakan ulama terutama ulama-ulama yang terdahulu adalah merupakan dosa-dosa yang berlaku pada akhir zaman. Ini dijelaskan dalam hadis daripada Rasulullah SAW:

وَلَعَنَ آخِرُ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَوْلَهَا

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya setengah daripada tanda-tanda hari kiamat itu adalah umat yang terkemudian melaknat umat yang terdahulu.*”

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Ibnu Rusydi al-Jad ketika ditanya tentang ulama seperti Abu Hasan al-Asya'ari, Abu Ishaq al-Asfarani, Abu Bakar al-Baqilani, Abu Bakar ibnu Farouk, Abu Ma'ali al-Juwaini dan ulama-ulama seumpama mereka daripada kalangan ulama-ulama Ahli Kalam dan Usuluddin, beliau menjawab bahawa mereka adalah dalam kalangan ulama-ulama yang baik dan mendapat petunjuk dan di antara ulama-ulama yang wajib diikuti. Sesungguhnya mereka itu



adalah yang membangunkan syariat dan membatalkan kesamaran mereka sama ada palsu atau sesat. Mereka juga adalah antara ulama-ulama yang memperjelaskan segala kemusykilan dan menerangkan perkara yang wajib dalam agama dari segi akidah.

Abu Muzafar al-Asfarayini ketika menjelaskan tentang golongan yang terselamat (*al-Firqah al-Najiyah: al-Asyairah dan Maturidiah*) menyebut :

*“Sesungguhnya sesiapa yang beramal dengan agama yang kami sifatkan daripada l’tiqad golongan yang terselamat, ia berada di atas jalan kebenaran. Sesiapa yang menyesatkan golongan yang terselamat, maka sesungguhnya seseorang itu berada dalam kesesatan”.*

Dalam hal ini Imam al-Nawawi menggelarkan mereka yang memperlekeh atau mempersendakan ulama dengan gelaran *al-Thalab* (penghina ulama). Seperti sabda Rasulullah SAW :

مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَهُ بِالْحَرْبِ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang mencaci ulama sesungguhnya aku mengizinkan untuk memerangnya”.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Imam Khatib al-Baghdadi meriwayatkan dari Imam al-Syafie dan Imam Abu Hanifah Rahimahumallah:

*“Jika tiada fuqaha sebagai penolong Allah nescaya tiada bagi Allah penolong”.*

Sesungguhnya ditanya al-Imam al-Allamah Ibnu Hajar al-Haithami tentang Abu Hasan al-Asya’ari, al-Baqilani, Ibnu Farouk, Abu Ma’ali, Imam Haramain, Abu Walid al-Baji dan lain-lain lagi daripada mereka yang berbicara tentang perkara usul

dan mereka menjalani mazhab al-Asyairah dalam permasalahan akidah dan hukum mereka yang memperkecil, mempersenda dan menyesatkan mereka tersebut. Jawab Ibnu Hajar al Haithami:

*“Mereka merupakan pemimpin-pemimpin agama, ketua ulama-ulama muslimin. Diwajibkan mengikuti mereka ini kerana mereka itu adalah antara mereka yang memperkasakan syariat, menerangkan kesamaran, menguraikan kemusykilan dan menolak kesamaran atau keraguan daripada golongan yang sesat. Wajib mengikuti mereka dengan ilmu mereka tentang ilmu mengenal Allah SWT daripada perkara yang wajib, mustahil dan harus. Begitu juga wajib mengiktiraf keistimewaan mereka dalam segala permasalahan dan pendekatan-pendekatan mereka tentang agama dan akidah.”*

Sesungguhnya mereka adalah golongan yang dimaksudkan Nabi SAW dalam sabdanya yang bermaksud :

*“Maka mereka yang berpegang dengan sesatnya mereka tersebut di atas adalah sesudah orang yang jahil, orang yang sesat daripada kebenaran. Tidak mencela mereka yang tersebut kecuali orang yang fasiq’.*

Ibnu Asakir menukilkan fatwa Imam Ahmad bin Ali al-Damaghawi dan sependapat dengan Ibnu Asakir juga al-Imam Abu Ishaq al-Syirazi Ibrahim bin Ali al-Fairuzabazi, al-Imam Abu Bakar al-Shahi pada kemulian dan kelebihan *al-Asya'irah*. Wajib menghukum orang yang mempersenda dan menentang *al-Asya'irah*.

# Golongan Bidaah

(GOLONGAN YANG MENYELEWENG  
DARIPADA AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH)

Golongan yang terkeluar daripada Ahli Sunnah wa al-Jamaah adalah 72 golongan berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

إن بني إسرائيل تفرقت على ثنتين وسبعين ملة وتفرقت  
أمتي على ثلاث وسبعين ملة ، كلهم في النار إلا ملة  
واحدة . قال: من هي يا رسول الله ؟ قال: ما أنا عليه  
وأصحابي

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Bani Israil terpecah menjadi 72 golongan, sementara umatku berpecah menjadi 73 golongan semuanya di dalam neraka, kecuali satu golongan.*” Sahabat bertanya: “*Golongan apa itu?*” Baginda menjawab, “*Yang aku berpegang kepadanya dan juga para sahabatku.*”

(Hadis Riwayat al-Tirmizi, Abu Daud, Ibnu Majah, al-Baihaqi dan al-Hakim)

Ibnu al-Jauzi (508-597H) dalam kitab *Talbisu al-Iblis*, bab *Bayani Aqsaamu al-Bida'*, ketika menjelaskan tentang 72 golongan yang terkeluar daripada Ahli Sunnah wa al-Jamaah menyebutkan:

“*Sekiranya ditanya, adakah golongan-golongan ini boleh dikenali? Maka jawabnya, sesungguhnya kami mengetahui perpecahan dan asas-asas setiap golongan. Dan bahawasanya setiap golongan daripada*

*golongan-golongan itu telah terbahagi kepada kumpulan-kumpulan lain sekalipun bukan dengan nama golongan itu dan mazhab-mazhabnya.”*

Telah nyata bagi kita, antara asal golongan-golongan ini ialah *al-Haruriah, al-Qadariyah, al-Jahmiah, al-Murjiah, al-Rafidhah, al-Jabariah*. Sesetengah ulama mengatakan: asal golongan-golongan yang sesat ini datang daripada golongan yang enam ini. Kemudian, terpecah setiap golongan daripadanya kepada 12 kumpulan.

#### A. PECAHAN GOLONGAN AL-HARURIAH:

1. **Al-Azraqiah**, golongan yang tidak ada kepastian terhadap iman seseorang dan mengkafirkan ahli kiblat (orang Islam) yang tidak berpegang dengan pendapat mereka.
2. **Al-Abadhiah**, golongan yang hanya mengiktiraf keimanan seseorang yang mengambil pandangan mereka tetapi sesiapa yang tidak sependapat dengan mereka dianggap munafik.
3. **Al-Tha'labiah**, golongan yang berpendirian bahawa Allah SWT tidak menetapkan qada' dan qadar.
4. **Al-Hazimiah**, golongan yang tidak dapat menetapkan keimanan bagi seseorang dan mengatakan semua makhluk itu akan mendapat keampunan.
5. **Al-Khalfiah**, golongan yang mengkafirkan semua lelaki dan wanita yang tidak berjihad.
6. **Al-Makramiah**, golongan yang tidak mengharuskan menyentuh seorang yang lain kerana tidak diketahui

keadaannya suci atau bernajis dan tidak akan makan bersamanya sehingga ia bertaubat dan mandi terlebih dahulu.

7. **Al-Kanziah**, golongan yang mengatakan tidak harus bagi seseorang untuk memberikan hartanya kepada orang lain kerana boleh jadi ia bukanlah orang yang berhak bahkan harta itu hendaklah disimpan sehingga diberikan kepada orang yang berhak (imam mereka).
8. **Al-Shamrakhiah**, golongan yang mengharuskan menyentuh wanita ajnabi kerana wanita diumpamakan seperti udara.
9. **Al-Akhnasiah**, golongan yang berpegang bahawa mayat seseorang tidak akan mendapat kebaikan dan keburukan serta tidak dihukum selepas kematiannya.
10. **Al-Mahkamiah**, golongan yang berpendapat bahawa sesiapa yang menetapkan hukum kepada orang lain, maka dia itu kafir.
11. **Al-Muktazilah**, golongan yang tidak menyebelahi mana-mana kumpulan Saidina Ali bin Abi Talib dan Sayyidina Muawiyah R.A. kerana mengatakan peristiwa itu adalah samar.
12. **Al-Maimuniah**, golongan yang berpegang bahawa imam (pemimpin) hendaklah daripada kalangan yang direstui oleh ahli kecintaan mereka.

#### B. PECAHAN GOLONGAN QADARIAH:

1. **Al-Ahmariah**, golongan yang mendakwa bahawasanya syarat adil bagi Allah ialah apabila Dia menguasai seluruh urusan hamba-hamba-Nya dan

seluruh perbuatan manusia dan Dia menghalang perbuatan maksiat mereka (oleh kerana adanya maksiat, di sisi mereka Allah SWT itu tidak adil).

2. **Al-Thawiah**, golongan yang mendakwa bahawasanya setiap kebaikan datang daripada Allah SWT manakala : kejahatan daripada Iblis.
3. **Al-Muktazilah**, golongan yang mengatakan Al-Quran adalah makhluk dan mereka mengingkari bahawa makhluk boleh melihat Allah SWT di Hari Akhirat.
4. **Al-Kaisaniah**, golongan yang ragu-ragu sama ada segala perbuatan diciptakan oleh Allah atau daripada hamba dan mereka tidak pasti adakah manusia diberi pahala setelah kematian atau balasan azab.
5. **Al-Syaitaniah**, golongan yang berpendirian bahawa Allah SWT tidak menciptakan syaitan.
6. **Al-Syarikiah**, golongan yang mengatakan bahawa segala kejahatan telah ditentukan dengan takdir-Nya melainkan kekufuran.
7. **Al-Wahamiah**, golongan yang berpegang bahawa perbuatan dan percakapan makhluk, kebaikan dan keburukan mereka tidak terikat dengan zat Allah SWT.
8. **Al-Rawandiah**, golongan yang berpendirian bahawa wajib beramal dengan nas Al-Quran, baik nas yang nasikh atau yang telah mansukh.
9. **Al-Bitriah**, golongan yang mendakwa bahawa siapa yang bertaubat selepas melakukan maksiat tidak akan diterima taubatnya.

10. **Al-Nakisiah**, golongan yang mendakwa bahawa tidak berdosa mereka yang mengkhianati bai'ah kepada Rasulullah SAW.
11. **Al-Qasitiah**, golongan yang melebihkan hal-hal keduniaan daripada kezuhudan.
12. **Al-Nazamiah**, golongan yang mengikuti pendapat Ibrahim Nazam dalam kata-katanya, "Sesiapa yang mendakwa Allah SWT adalah sesuatu yang ada, maka dia adalah kafir".

#### C. PECAHAN AL-JAHMIAH:

1. **Al-Muattilah**, mendakwa bahawa setiap sesuatu yang berlaku ke atas manusia termasuk fikiran mereka adalah sesuatu yang Tuhan jadikan (makhluk) dan mengkafirkan mereka yang mendakwa Allah SWT itu melihat.
2. **Al-Marisiah**, golongan yang berpandangan kebanyakan sifat-sifat Allah SWT adalah makhluk.
3. **Al-Multazimah**, golongan yang berpegang bahawa zat Allah SWT ada di semua tempat.
4. **Al-Mawaridiah**, golongan yang berpendirian bahawa tidak masuk neraka orang yang mengenal tuhanya dan sesiapa yang memasuki neraka, tidak akan keluar dari neraka selama-lamanya.
5. **Al-Zanadiqah**, golongan yang tidak mengakui kewujudan tuhan melainkan selepas melihatnya dengan pancaindera. Apa yang diketahui dan yang tidak diketahui bukanlah tuhan selagi tidak dilihat dengan pancaindera.

6. **Al-Haraqiah**, golongan yang mendakwa bahawa orang kafir dibakar dalam neraka sekali sahaja, kemudian akan kekal terbakar selama-lamanya tetapi tidak merasai kepanasan neraka.
7. **Al-Makhlughiah**, mendakwa bahawa al-Quran adalah makhluk.
8. **Al-Faniah**, mendakwa bahawa syurga dan neraka adalah binasa. Sebahagian mereka mengatakan bahawa syurga dan neraka tidak diciptakan.
9. **Al-Mughiriah**, mengingkari kewujudan para Rasul malah mengatakan para Rasul hanyalah penguasa.
10. **Al-Waqifiah**, golongan yang tidak ada pendirian sama ada al-Quran itu makhluk atau bukan makhluk.
11. **Al-Qabriah**, golongan yang mengingkari azab kubur dan syafaat.
12. **Al-Lafziah** menyatakan lafaz bacaan al-Quran itu makhluk.

#### D. PECAHAN AL-MURJIAH:

1. **Al-Tarikiah**, berpandangan bahawa setiap manusia itu tidak ada kefarduan terhadap Allah SWT melainkan beriman dengannya sahaja. Sesiapa yang beriman dengan Allah SWT bebas melakukan apa sahaja.
2. **Al-Sa'ibiah**, menyatakan bahawasanya Allah SWT memberi kebebasan kepada makhluknya untuk melakukan apa sahaja.



3. **Al-Rajiah**, menyatakan orang yang taat itu tidak digelar seorang yang taat dan orang yang melakukan maksiat itu tidak digelar pelaku maksiat kerana tidak diketahui keadaan mereka di sisi Allah SWT.
4. **Al-Syakiah**, menyatakan bahawa ketaatan itu tiada kaitan dengan iman.
5. **Al-Baihasiah**, golongan yang berpegang bahawa iman adalah ilmu. Oleh itu mereka mengkafirkan sesiapa yang tidak mengetahui antara hak, batil, halal dan haram.
6. **Al-Manqusiah**, golongan yang menolak pegangan bahawa iman itu boleh bertambah dan berkurang.
7. **Al-Mustasniah**, golongan yang menafikan tingkatan-tingkatan iman.
8. **Al-Musyabbihah**, golongan yang menyerupakan penglihatan Allah SWT sebagaimana penglihatan manusia dan mempunyai tangan seperti makhluk.
9. **Al-Hasyawiah**, golongan yang menjadikan semua hukum-hukum hadis satu sahaja di sisi mereka. Bagi mereka, meninggalkan perbuatan sunat sama seperti meninggalkan yang fardu.
10. **Al-Zohiriah**, golongan yang menafikan qiyas.
11. **Al-Bid'iyah**, merupakan golongan pertama yang melakukan bidaah dalam akidah.

#### E. PECAHAN DARIPADA SYIAH RAFIDHAH:

1. **Al-Alawiyah**, golongan yang mengatakan bahwa kerasulan sebenarnya milik Saidina Ali R.A tetapi Jibril tersilap menyampaikan wahyu.
2. **Al-Amariah**, golongan yang mengatakan bahwa Saidina Ali R.A bersama Nabi Muhammad SAW di dalam urusannya.
3. **Syiah**, golongan yang mengatakan bahwa Saidina Ali R.A diwasiatkan oleh Rasulullah SAW menjadi wakilnya selepas kewafatan Baginda SAW dan umatnya menjadi kafir sekiranya membai ah orang lain.
4. **Al-Ishaqiah**, golongan yang berpegang bahwa sesungguhnya kenabian berterusan sehingga hari kiamat, sesiapa yang mengetahui ilmu Ahlul Bait adalah nabi.
5. **Al-Nawusiah**, golongan yang berpegang bahwa kedudukan Saidina Ali R.A adalah sebaik-baik umat, maka sesiapa yang meletakkan kedudukan yang lain lebih daripada Saidina Ali r.a. dia adalah kafir.
6. **Al-Imamiah**, golongan yang berpegang bahwa tidak mungkin dunia ini mempunyai imam selain daripada keturunan Saidina Hussein. Imam itu diajarkan oleh Jibril, yang akan digantikan tempatnya oleh orang lain sepertinya apabila meninggal dunia.
7. **Al-Yazidiah**, golongan yang menetapkan bahwa imam solat hendaklah dari kalangan keturunan Saidina Hussein sahaja. Orang yang baik atau fasik selain daripada mereka tidak boleh menjadi imam.

8. **Al-Abbassiah**, mendakwa bahawa keturunan al-Abbass lebih utama menjadi khalifah daripada yang lain.
9. **Al-Mutanasiqah**, golongan yang mempercayai bahawa setiap roh mengalami penjelmaan semula / peralihan roh (incarnation) selepas kematian. Seorang yang baik, rohnya akan keluar dan masuk ke dalam makhluk yang baik kehidupannya dan roh orang yang jahat akan masuk ke dalam makhluk yang buruk kehidupannya.
10. **Al-Raj`iah**, mendakwa bahawa Saidina Ali r.a. dan sahabat-sahabatnya akan kembali ke dunia dan akan menuntut bela ke atas musuh-musuh mereka.
11. **Al-Lainiah**, golongan yang melaknat Saidina Uthman, Talhah, al-Zubair, Muawiyah, Abu Musa al-Asya'ari, Aisyah dan sahabat r.a. yang lain.
12. **Al-Mutarabbisoh**, golongan yang seolah-olah banyak beribadat dengan pakaian ahli ibadah dan menyandarkan semua perkara kepada seorang yang didakwa sebagai Imam Mahdi pada setiap zaman dan jika meninggal akan digantikan dengan yang lain.

#### F. PECAHAN AL-JABARIAH:

1. **Al-Muttaribah**, golongan yang mendakwa bahawa manusia tidak melakukan perbuatannya, kerana meyakini bahawa Allah yang melakukan semua perbuatannya.
2. **Al-Af'aliah**, golongan yang mengatakan manusia mempunyai perbuatan tetapi tidak ada kemampuan seperti binatang yang terikat dengan tali.

3. **Al-Mafrughiyyah**, golongan yang mengatakan setiap sesuatu telah sedia diciptakan dan tidak ada perkara yang baru dicipta sekarang.
4. **Al-Najjariah**, golongan yang mendakwa bahawa Allah SWT mengazab manusia kerana perbuatan-Nya, bukan kerana perbuatan manusia.
5. **Al-Mataniah**, golongan yang mempercayai lintasan hati dan menggalakkan manusia supaya melakukan apa sahaja yang dipandang baik oleh hati.
6. **Al-Kasabiah**, golongan yang berpendirian bahawa seseorang hamba tidak ada kasab dalam memperolehi ganjaran pahala dan dosa.
7. **Al-Sabiqiah**, golongan yang menggalakkan manusia bebas melakukan apa sahaja yang disukai kerana menurut mereka dosa orang yang beriman tidak memudaratkan dirinya. Manakala kebaikan orang yang tidak beriman tidak memberi manfaat kepada dirinya.
8. **Al-Hubbiah**, golongan yang mengatakan sesiapa yang mendapat redha Allah SWT maka gugurlah darinya kewajipan melaksanakan perintah agama.
9. **Al-Khaufiah**, golongan yang mengatakan, "Sesiapa yang mencintai Allah SWT tidak takut pada-Nya, kerana seorang kekasih tidak akan takut kepada kekasihnya".
10. **Al-Fikriah**, golongan yang berpegang bahawa sesiapa yang bertambah ilmunya, maka gugur kewajipan ibadat

sebanyak mana bertambah ilmu tersebut (semakin banyak ilmu semakin kurang kewajiban ibadatnya).

11. **Al-Khasiah**, golongan yang berpendirian bahwa dunia sebagaimana diwariskan oleh moyang manusia, Adam adalah sama sahaja di kalangan setiap hamba, tanpa saling melebihkan antara mereka.

12. **Al-Ma'iah**, golongan yang percaya bahwa manusia mempunyai perbuatan dan kemampuan tanpa bergantung kepada Tuhan.

Iniilah golongan-golongan yang terkeluar dari pemahaman Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang dimaksudkan oleh hadis sebagai ahli bidaah.

Demikianlah 72 golongan sesat yang tidak termasuk di kalangan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah sebagaimana yang dibincangkan oleh Ibnu al-Jauzi dalam kitab beliau *Talbisu al-Iblis*, dalam bab *Bayani Aqsaamu al-Bida'*. Sungguhpun sebahagian nama-nama golongan ini sudah tidak dikenali kini tetapi pemikiran, prinsip dan ciri-ciri mereka masih ada sehingga hari ini walaupun mereka menggunakan nama yang lain. Oleh itu umat Islam hendaklah mengenali bentuk-bentuk pemikiran sebegini supaya terselamat daripada terjebak dengan pemikiran dan pegangan yang sesat.

# Penutup

Rentetan daripada merebaknya pelbagai fahaman yang menyimpang di dalam masyarakat, seperti *takfir* tanpa kebenaran syarak, penolakan dan pengingkaran terhadap empat mazhab dan lain-lain, maka pemahaman dan pengajaran akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah harus ditekankan kembali dan diberi keutamaan.

Akidah ini adalah pegangan majoriti umat Islam, dari Rasulullah SAW hingga kini yang dijamin sebagai akidah golongan yang selamat (*al-Firqah al-Najiah*). Justeru, para ulama empat mazhab menulis pelbagai karya yang dimulai dengan tulisan *mukhtasoraat* (ringkasan) sehinggalah *mutawwalaat* (buku-buku besar) bagi menerangkan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah ini. 1

Keistimewaan akidah ini terserlah apabila setiap persoalan dalam pegangan usul agama diperkuatkan dengan dalil-dalil naqli dan aqli serta bantahan terhadap golongan-golongan yang menyeleweng. Hal ini telah dipelopori oleh dua imam agung; Imam Abu Al-Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Manshur al-Maturidi, semoga Allah SWT meredhai keduanya. Akhirnya pada awal abad ke 4 Hijrah, Ahli Sunnah wa al-Jamaah dikenali dengan *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiah*. Mereka adalah majoriti umat yang merupakan pengikut mazhab empat yang muktabar .

Semoga buku ini menjadi penawar bagi kegelisahan dan kerisauan masyarakat dalam menghadapi cabaran akidah dan pemikiran semasa.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

*“Jangan kamu tangisi agama ini apabila masih ditangani oleh ahlinya, namun tangisilah agama ini apabila ditangani oleh orang yang bukan ahlinya.”*

(Hadis Riwayat Ahmad dan al-Thabarani.)

Wabillah al-Taufiq.